

## AMIL DAN PENTAFSIRANNYA SEBAGAI ASNAF ZAKAT DALAM KONTEKS SYARIAH DAN REALITI SEMASA DI MALAYSIA

### AMIL AND ITS INTERPRETATION AS ZAKAT RECIPIENT IN THE CONTEXT OF SHARIAH AND CURRENT REALITY IN MALAYSIA

Marina Abu Bakar<sup>1\*</sup>  
Raziah Md Tahir<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Kulliyyah Syariah & Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Malaysia, (E-mail: marinaabubakar@unishams.edu.my) (Corresponding author) \*

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (Email: raziah@uum.edu.my)

#### Article history

**Received date** : 6-11-2022  
**Revised date** : 7-11-2022  
**Accepted date** : 19-12-2022  
**Published date** : 23-12-2022

#### To cite this document:

Abu Bakar, M., & Md Tahir, R. (2022). Amil dan Pentafsirannya Sebagai Asnaf Zakat dalam Konteks Syariah dan Realiti Semasa di Malaysia. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 7(45), 312 - 335.

**Abstrak:** Zakat merupakan antara instrumen jaminan sosial yang diwajibkan oleh Allah SWT kepada golongan asnaf. Zakat diagihkan kepada lapan golongan asnaf termasuk amil. Manakala, amil pula ialah individu yang ditugaskan untuk mengutip dan mengagihkan zakat sesuai mengikut syarak. Walau bagaimanapun, berdasarkan pandangan para fuqaha klasik dalam mentafsirkan amil, didapati bahawa terdapat pelbagai penafsiran yang diberikan untuk golongan ini. Meskipun amil telah dinyatakan secara jelas dalam syarak sebagai antara penerima zakat, namun timbul persoalan tentang cara untuk mengenal pasti ciri-ciri untuk mentafsirkan asnaf amil. Sementara itu, di Malaysia pula, definisi amil didapati berbeza mengikut setiap negeri memandangkan perkara berkaitan zakat termasuk dalam bidang kuasa kerajaan negeri seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Justeru, timbul persoalan apakah pentafsiran asnaf amil yang sesuai berdasarkan syarak dan realiti semasa di Malaysia? Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk menganalisis pentafsiran asnaf amil dalam konteks syariah dan realiti semasa di Malaysia. Kajian ini mengadaptasi reka bentuk kajian kualitatif, di mana data dikumpul melalui kajian kepustakaan dan melibatkan sumber sekunder serta dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian menemui bahawa pentafsiran asnaf golongan amil perlu diperluaskan dalam konteks realiti semasa di Malaysia. Hal ini kerana realitinya, jumlah kutipan zakat yang seringkali meningkat saban tahun dan bilangan asnaf yang kian bertambah menyebabkan zakat perlu diuruskan kutipannya secara sepadu dengan melibatkan pelbagai bidang tugas dan kepakaran. Selain itu, kajian ini turut mendapati bahawa pada dasarnya tafsiran amil di Malaysia adalah sama dengan tafsiran yang dilakukan oleh para fuqaha klasik dan telah mengambil kira kehendak syarak dan adat masyarakat tempatan. Namun begitu, masih ada ruang-ruang penambahbaikan bagi pentafsiran asnaf amil dari masa ke semasa sesuai mengikut peredaran zaman. Implikasinya, kajian ini menggesa pihak-pihak institusi zakat di Malaysia untuk mengambil kira bidang tugas dan kepakaran amil dalam memberi tafsiran asnaf amil yang

*selari dengan konteks syariah dan realiti semasa di Malaysia. Dari segi disiplin ilmu, kajian ini menambah pengetahuan berkaitan pentafsiran asnaf amil dalam konteks syariah dan realiti semasa di Malaysia. Manakala, dari segi praktikal pula, kajian ini mendorong kepada kajian-kajian lanjutan berkaitan pentafsiran golongan asnaf amil dalam konteks syariah dan realiti semasa oleh sarjana-sarjana Islam kontemporari dalam bidang zakat.*

**Kata Kunci:** *Amil, Pentafsiran Asnaf, Zakat di Malaysia*

**Abstract:** *Zakat is one of the social security instruments that Allah SWT obligates to the zakat recipients. Zakat is distributed to eight groups of recipients including amil. On the other hand, amil is an individual who is assigned to collect and distribute zakat according to sharak. However, based on the views of the classical jurists in interpreting amil, it is found that there are various interpretations given for this group. Although amil has been clearly stated in shariah as one of the recipients of zakat, the question arises as to how to identify the characteristics to interpret amil as zakat recipient. Meanwhile, in Malaysia, the definition of amil is found to be different according to each state as matters related to zakat are included in the jurisdiction of the State government as enshrined in the Federal Constitution of Malaysia. Thus, the question arises as to what is the appropriate interpretation of amil as zakat recipient based on shariah and the current reality in Malaysia? Therefore, this study was conducted to analyze the interpretation of amil as zakat recipient in the context of shariah and current realities in Malaysia. This study adapts a qualitative study design, in which data are collected through a literature review and involve secondary sources as well as analyzed using content analysis methods. The results of the study found that the interpretation of amil as zakat recipient needs to be expanded in the context of the current reality in Malaysia. This is because in reality, the amount of zakat collection that often increases every year and the number of zakat recipient that is increasing causes zakat to be managed in an integrated manner by involving various areas of work and expertise. In addition, this study also found that in principle the interpretation of amil in Malaysia is as same as the interpretation done by the classical jurists and has taken into account the requirements of shariah and customs of the local community. However, there is still room for improvement for the interpretation of amil as zakat recipient according to the passage of time. For implication, this study urges the zakat institutions in Malaysia to take into account the scope of duties and expertise of amil in providing an interpretation of amil as zakat recipient that is in line with the context of shariah and current realities in Malaysia. In terms of disciplines, this study adds knowledge related to the interpretation of amil as zakat institution in the context of shariah and current realities in Malaysia. Meanwhile, in practical terms, this study leads to further studies related to the interpretation of the amil as zakat recipient in the context of shariah and current reality by contemporary Islamic scholars in the field of zakat.*

**Keywords:** *Amil, Interpretation of Zakat Recipient, Zakat in Malaysia*

---

## **Pengenalan**

Zakat dikenalpasti telah diamalkan sebelum Hijrah lagi, iaitu hampir 10 tahun sebelum Hijrah (Al-Qaradhawi, 2000) dan hanya mula disyariatkan secara rasminya pada tahun ke-2 Hijrah (Ibn Kathir, 1992). Zakat semasa zaman sebelum Hijrah pula dilaksanakan secara tidak bersistematik dan lebih dikenali sebagai sedekah (*al-Sadaqah*) di kalangan penduduk Tanah Arab. Walau bagaimanapun, istilah *al-Sadaqah* ini terus digunapakai oleh penduduk Tanah Arab sehingga kini. Di samping itu, zakat turut diwahyukan secara beransur-ansur dan

mengalami perubahan dari masa ke semasa. Dalam tempoh pemerintahan Rasulullah SAW sebelum Hijrah, zakat disyariatkan secara sunat sahaja iaitu digalakkan untuk dilaksanakannya dan bukannya wajib. Pensyariatan ini dilihat bersesuaian dengan keadaan umat Islam pada waktu tersebut yang terdiri daripada fakir dan miskin serta memerlukan bantuan kewangan dan makanan di kota Mekah. Justeru, sebelum turunnya ayat Al-Qur'an berkaitan asnaf lapan zakat secara holistik, zakat telah disasarkan agihannya kepada dua golongan asnaf yang utama iaitu golongan fakir dan miskin.

Pensyariatan zakat adalah sangat berkait rapat dengan penerima atau asnaf zakat kerana mereka merupakan pihak-pihak yang akan menerima agihan daripada bahagian zakat. Asnaf merupakan kata jamak bagi sinf yang bererti jenis atau sifat (Al-Qal'aji & Al-Qunaybi, 1988). Dalam konteks zakat pula, ia boleh difahami sebagai pihak, golongan atau kumpulan. Ayat 60 dari Surah At-Taubah merupakan dalil utama yang menceritakan tentang pensyariatan zakat kepada lapan golongan asnaf. Sesetengah ulama turut menggunakan istilah *al-Asnaf al-Thamaniyyah* (asnaf lapan) kepada golongan asnaf (Ibn Qudamah, t.th; Al-Zuhayli, 1996). Firman Allah SWT:

*“Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, mereka yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk (memerdekakan) hamba sahaya, untuk (membebaskan) orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai kewajiban dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana.”*

(Surah At-Taubah: 60)

Berdasarkan ayat ini, adalah jelas bahawa golongan yang layak menerima zakat terdiri daripada fakir, miskin, amil, mualaf, hamba, penghutang, mereka yang berjuang di jalan Allah SWT (*fi sabilillah*) dan musafir dalam perjalanan (*ibn al-Sabil*). Namun demikian, para fuqaha mempunyai beberapa pandangan yang berbeza berkaitan keutamaan asnaf lapan ini. Majoriti fuqaha berpandangan bahawa keutamaan pemberian zakat adalah mengikut tertib susunan sebagaimana dalam ayat tersebut, manakala Al-Nasafi (t.th) dan Ibn al-Athir (1998) berpendirian bahawa tertib susunan asnaf seharusnya mengambil kira tatabahasa Arab iaitu dimulakan dengan golongan *fi sabilillah*, *ibn al-Sabil*, hamba dan penghutang. Kemudian, barulah diberikan kepada fakir, miskin, amil dan mualaf. Dalam konteks masa kini, keutamaan pemberian zakat seharusnya dipraktikkan sesuai mengikut realiti semasa, keadaan setempat dan mengambil kira kemaslahatan umum (Abd. Khafidz, 2017). Hal ini adalah bersesuaian dengan pandangan fuqaha kontemporari yang memandang bahawa objektif utama zakat adalah untuk memastikan nilai manusia itu seharusnya menjadi lebih tinggi daripada harta (Al-Qaradhawi, 2000).

Kebelakangan ini juga, tuntutan ke arah pentafsiran amil sebagai asnaf zakat dalam konteks syariah dan realiti semasa di Malaysia semakin relevan untuk dibincangkan lantaran wujudnya pelbagai isu dan cabaran berkaitan amil terutamanya selepas dunia berhadapan dengan era pasca pandemik Coronavirus Disese 2019 (COVID-19). Wabak COVID-19 telah membuka dimensi baharu terhadap pengurusan kutipan dan agihan zakat oleh para amil institusi zakat di seluruh Malaysia (Ab Rahman et al, 2022). Maka, tidak hairanlah mengapa bidang zakat semakin mendapat tempat di kalangan para sarjana dan penyelidik Islam. Justeru, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menganalisis pentafsiran asnaf amil dalam konteks syariah dan realiti semasa di Malaysia. Kajian ini juga diharap dapat membantu para penyelidik bidang

zakat dan amil dalam memberikan pentafsiran asnaf amil sesuai mengikut konteks syariah dan realiti semasa di Malaysia.

### Pernyataan Masalah

Zakat secara istilahnya telah menerima perbincangan di kalangan para fuqaha bagi mendapatkan gambaran yang jelas dan tepat agar sesuai untuk diaplikasikan dalam konteks perundangan Islam (Muhammad, 1993). Manakala, amil pula merujuk kepada individu yang dilantik oleh pemerintah untuk memungut dan mengagihkan zakat. Pada umumnya, para fuqaha klasik mempunyai pandangan yang berbeza tentang definisi amil. Kesemua fuqaha mazhab mengiktiraf bahawa amil bertanggungjawab mengutip zakat. Namun demikian, hanya jumhur fuqaha daripada mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali yang turut mengiktiraf tanggungjawab amil untuk mengagihkan zakat. Fuqaha mazhab Hanafi pula bersifat terhad kepada tanggungjawab mengutip zakat semata-mata tanpa mengagihkannya (Abd. Khafidz, 2017).

Di Malaysia, perkara berkaitan zakat termasuk dalam bidang kuasa kerajaan negeri seperti yang diperuntukkan dalam Senarai 2, Senarai Negeri Jadual ke-9, Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Jika diamati, peruntukan ini secara jelasnya menyatakan bahawa pentadbiran berkaitan hal-hal syariah termasuk zakat dari segi kuasa dan amalannya adalah mengikut bidang kuasa negeri-negeri di Malaysia secara berasingan dan bebas daripada kuasa persekutuan (Ibrahim, 1997). Perkara ini adalah berbeza bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya kerana undang-undang yang terlibat bagi zakat diletakkan di bawah bidang kuasa-kuasa negeri-negeri tersebut mengikut peruntukan yang diberikan oleh undang-undang persekutuan (Shufian et al, 2010). Oleh itu, berdasarkan pembahagian kuasa yang telah diperuntukkan ini maka Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di kesemua negeri telah mewujudkan institusi zakat tersendiri yang berperanan menguruskan hal ehwal zakat di negeri masing-masing (Ramli & Hamdan, 2017). MAIN juga merupakan badan tunggal yang berkuasa memungut zakat dan fitrah selaku wakil kepada DYMM Sultan atau Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua agama Islam negeri (Badarulzaman & Sulaiman, 2017).

Realitinya, pada tahun 2020, dunia telah dikejutkan dengan penularan virus COVID-19 yang telah mengubah landskap ekonomi dunia termasuklah Malaysia. Kidwai & Zidani (2020) berpendapat bahawa instrumen zakat memainkan peranan yang penting dalam mengimbangi ketidakstabilan ekonomi pasca pandemik COVID-19. Hal ini kerana zakat dapat mempertingkatkan kecairan dana (*liquidity*) dan kuasa beli (*purchasing power*) kepada golongan yang terjejas pendapatannya kesan daripada impak negatif COVID-19. Situasi pandemik COVID-19 telah menyerlahkan peranan amil sebagai pengurus zakat. Tugas amil dilihat semakin mencabar kerana institusi zakat bertindak sebagai dana sosial keselamatan Islam dalam membantu usaha kerajaan mencegah COVID-19 (Al Anshory et al, 2020). Tambahan pula, pandemik ini turut meningkatkan bilangan minoriti asnaf-asnaf lain seperti musafir dalam perjalanan (*ibn al-Sabil*), penghutang (*al-Gharimin*) dan hamba (*al-Riqab*). Institusi zakat juga telah mengagihkan bantuan zakat kepada penerima yang layak melebihi asnaf sedia ada untuk meringankan beban mereka akibat wabak COVID-19 (Masruki et al, 2022).

Di samping itu, dalam menghadapi pandemik COVID-19, para amil di institusi zakat perlu memikirkan strategi-strategi baru bagi mempertingkatkan usaha kutipan dan agihan zakat (Ahmad Tawfek & Wahid, 2022). Malah, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Hal Ehwal Agama Islam telah menyediakan peruntukan tambahan zakat kepada institusi zakat di seluruh negara bagi membantu golongan asnaf yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19.

Jumlah perbelanjaan kerajaan yang diagihkan kepada semua institusi zakat di Malaysia pada masa tersebut adalah bernilai RM 171.92 juta (My Metro, 2020). Jumlah agihan tambahan ini hanya diberikan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sahaja dan tidak termasuk pelbagai skim bantuan lain. Selain itu, jumlah yang disediakan ditambah dari semasa ke semasa mengikut keadaan pandemik COVID-19 dan tempoh pelaksanaan PKP. Ternyata juga, dana agihan zakat yang diagihkan kepada asnaf semasa tempoh pelaksanaan PKP sangat membantu golongan B40 (Ahmad Fuad, 2020).

Melihat kepada realiti semasa pasca pandemik COVID-19, wujud keperluan untuk menganalisis pentafsiran asnaf amil dalam konteks syariah dan realiti semasa di Malaysia. Ini kerana, pemberian zakat oleh para amil sendiri memerlukan kepada penyesuaian terhadap norma baharu lebih-lebih lagi dalam aspek kutipan dan agihan zakat yang terkesan dengan wabak COVID-19. Justeru, adalah wajar agar usaha para amil ini mendapat upah sesuai mengikut peranannya yang signifikan dalam membantu kelangsungan sosioekonomi umat Islam di Malaysia.

### **Sorotan Literatur**

Secara umumnya, terdapat banyak kajian lepas berkaitan pengurusan zakat dan amil yang telah diterokai oleh para penyelidik dalam konteks Malaysia. Kajian awal seperti Ghazali (1988) telah difokuskan kepada pentadbiran hal ehwal zakat melalui penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (MAIAIM). Kajian ini mendapati bahawa pengurusan zakat adalah di bawah MAIAIM bagi setiap negeri, manakala potensi dan kepentingan zakat pula adalah lebih menjurus kepada aspek ibadah berbanding dasar sosioekonomi dan kenegaraan. Antara kajian awal yang lain pula telah dilakukan oleh Abdul Wahab et al (1995). Kajian ini menyentuh tentang pengurusan zakat pada zaman prakolonial Malaysia. Meskipun zakat masih belum ditadbir secara sistematik, namun pembayar zakat pada era tersebut berasa yakin dengan golongan para ustaz dan guru agama yang bertindak sebagai amil mereka.

Sementara itu, kajian Ahmad et al (2006) turut menemui bahawa pada peringkat awal, beberapa negeri seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Pahang, Pulau Pinang, Melaka dan Negeri Sembilan telah menswastakan institusi zakat masing-masing demi memastikan pengurusan zakat dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi seiring dengan penggunaan teknologi masa kini. Dapatan kajian ini adalah seiring dengan dapatan kajian-kajian yang dilaksanakan oleh Abd. Wahab & Abdul Rahman (2012), Mohd Rafien et al (2013) dan Bakar (2016).

Abd. Wahab & Abdul Rahman (2012) menjelaskan bahawa adalah penting bagi institusi zakat yang berfungsi sebagai organisasi perkhidmatan awam untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti kerana masyarakat mahu melihat proses kutipan dan agihan zakat berjalan dengan cekap. Pengurusan zakat secara syarikat yang diletakkan di bawah pengawasan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dapat menambah keupayaan, kebolehan serta hala tuju dengan lebih jelas (Mohd Rafien et al, 2013). Malah, penswastan juga dapat memberi beberapa kelebihan kepada institusi zakat seperti menambah kecekapan, menggalakkan pelaburan, meningkatkan pendapatan, infrastruktur serta program kebajikan dan keadilan sosial (Bakar, 2016).

Mohammad Som & Ab Rahman (2011) telah mengkaji konsep amil dan peranannya dalam pengurusan zakat dari segi definisi dan kedudukannya dalam Al-Quran dan hadith, syarat, etika, peranan dan kepentingan amil dalam pengurusan zakat. Kajian ini mendedahkan bahawa adalah penting bagi masyarakat untuk memahami konsep amil pada zaman dahulu dan sekarang yang

mempunyai banyak perbezaan terutamanya dari segi bentuk atau kaedah pelaksanaan dan pengurusan zakat. Menurut Omar et al (2016) pula, amil di Malaysia dilantik mengikut negeri dan biasanya melalui institusi zakat di negeri masing-masing. Dalam mengenalpasti konsep sebenar zakat dan peranannya terhadap masyarakat sejagat, zakat perlu diuruskan oleh para amil secara menyeluruh dan mengikut tatacara yang berlandaskan syariat agar tujuan dan matlamat pensyariaan zakat mampu dicapai sepenuhnya (Omar et al, 2016).

Sementara itu, kajian yang dilakukan oleh Abd. Khafidz (2017) pula membincangkan tentang kaedah penilaian semula dan penyesuaian pentafsiran asnaf lapan di Malaysia dengan merujuk kepada kriteria yang ditetapkan oleh para fuqaha untuk disesuaikan dengan kehendak dan keperluan masyarakat di Malaysia. Hasil kajian ini mendedahkan bahawa perubahan hukum kerana perubahan faktor masa dan tempat adalah tidak terkecuali dalam merungkai masalah pentafsiran asnaf lapan. Beliau turut mencadangkan agar tafsiran amil yang sesuai dalam konteks Malaysia ialah orang yang dilantik oleh pemerintah untuk mengutip zakat dan mengagihkannya termasuklah pembantunya.

Kajian yang lebih spesifik pula telah dijalankan oleh Mohamed Tahir et al (2019) dan Bhari et al (2019) untuk menganalisis pengurusan dan pengagihan zakat menurut perspektif Maqasid Syariah dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Kajian Mohamed Tahir et al (2019) menemui bahawa wujudnya isu dan cabaran terhadap pengurusan dan pengagihan zakat di Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam usaha mengagihkan zakat menggunakan pendekatan Maqasid Syariah. Amil di LZS pada asasnya adalah pekerja zakat yang berperanan sebagai ejen yang bekerja bagi memastikan urusan zakat dapat disempurnakan. Amil korporat pula merujuk kepada satu kumpulan amil yang menjalankan semua aktiviti-aktiviti seperti perancangan gerak kerja, penubuhan organisasi, penyediaan pejabat dan kaunter, merangka sistem maklumat bagi urusan pungut dan agih zakat, melatih kakitangan, memberi penerangan mengenai zakat kepada umum, membuat laporan dan menjaring hubungan dengan jabatan, syarikat dan agensi untuk mencapai tingkat yang optimum dalam pengurusan zakat. Pandangan ini adalah selari dengan Bahrom & Yaakob (2006) yang berpendapat bahawa institusi zakat adalah mirip sebuah syarikat korporat. Malahan, amil korporat diperlukan kerana jumlah dana zakat yang dibayar oleh syarikat-syarikat perindustrian yang terlalu besar nilainya untuk diuruskan oleh mana-mana individu. Justeru, amil wajar untuk diberikan upah sesuai mengikut bidang tugasnya dan ini turut bertepatan dengan aspek keperluan asas (*daruriyyat*) dalam Maqasid Syariah iaitu menjaga harta.

Bhari et al (2019) dalam kajiannya mendapati bahawa bantuan-bantuan yang disediakan oleh institusi-institusi zakat dapat diselarikan dengan lapan pelaksanaan SDGs. Pemetaan SDG yang sesuai dengan peranan amil ialah memperkasakan institusi yang damai, adil dan kuat serta menambah jaringan rakan strategik. Hasil kajian ini turut menepis dakwaan bahawa zakat yang dikategorikan sebagai ibadah tidak boleh dirungkai hikmah dan rahsianya melalui penelitian secara kritis dan mendalam mengikut perspektif global. Selain itu, beberapa penyelidik lepas seperti Mohd Kashim & Musa (2021), Mohamad Zaki & Sulong (2021), Ibrahim (2022) dan Gunardi & Ab Rahman (2022) telah menjalankan kajian terkini mengenai zakat dari perspektif wabak COVID-19.

Mohd Kashim & Musa (2021) merumuskan bahawa Maqasid Syariah wajar dijadikan panduan yang terbaik bagi umat Islam dalam berhadapan dengan pandemik COVID-19. Selain itu, mencegah penularan COVID-19 juga dapat memelihara harta manusia kerana ia boleh mengurangkan penggunaan wang ringgit untuk tujuan kos perubatan yang terpaksa ditanggung

oleh kerajaan untuk merawat pesakit-pesakit COVID-19. Langkah penjimatan ini dapat mengelakkan kesan ekonomi yang lebih buruk dan mengurangkan bilangan asnaf yang terkesan di Malaysia. Manakala, Mohamad Zaki & Sulong (2021) pula telah mencadangkan model agihan zakat COVID-19 oleh institusi zakat di Malaysia. Beberapa mekanisme telah dicadangkan seperti permohonan bantuan dalam talian, gerak kerja staf institusi zakat dari rumah, penubuhan talian khas dan penggunaan media sosial bagi menyebarkan maklumat tentang bantuan institusi zakat, lokaliti agihan mengikut kawasan kecil, gabung jalin dengan sektor korporat dan awam serta pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) PKP. Kesemua mekanisme ini sudah tentu memerlukan pengorbanan dan usaha yang jitu daripada pihak amil untuk merealisasikannya.

Kajian Ibrahim (2022) pula adalah lebih menjurus kepada penggunaan teknologi kewangan (*fintech*) serta kesannya terhadap kutipan zakat. Beliau telah menjalankan kajian kes terhadap dua institusi zakat iaitu Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Hasil kajian memperlihatkan kewujudan lapan instrumen berkaitan *fintech* yang digunakan oleh institusi zakat di Malaysia bagi melaksanakan kutipan bayaran zakat. Instrumen-instrumen tersebut termasuklah e-Zakat / JomPay / JomZakat, e-Wallet / Kod QR, perbankan internet, kad kredit, kad debit, *Short Message Service* (SMS), perbankan telefon dan *Financial Process Exchange* (FPX). Kajian ini menyaksikan impak penggunaan *fintech* terhadap kutipan zakat di LZS dan MAIK begitu tinggi. Walaupun kedua-dua institusi zakat ini berbeza dari struktur pengurusan, namun penggunaan *fintech* telah diadaptasi dalam pengurusan zakat bagi meningkatkan kutipan zakat masing-masing. Dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian Gunardi & Ab Rahman (2022) yang juga menemui bahawa kaedah pengurusan zakat secara talian membuktikan kerelevanan pembangunan sistem digital di Malaysia untuk memudahkan segala urusan amil dilaksanakan dengan komprehensif.

Sementara itu, kajian terkini yang dilaksanakan oleh Rofie et al (2022), Salman & Mujahidin (2022), Satrio (2022) dan Baharuddin et al (2022) turut menggariskan beberapa peranan utama amil dalam membantu asnaf mengikut pelbagai dimensi. Misalnya, strategi kutipan dana secara atas talian kepada golongan asnaf melalui Asnaf Care telah diguna pakai oleh pihak Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan terbukti berjaya membantu asnaf ketika pandemik COVID-19 (Rofie et al, 2022). Kajian Salman & Mujahidin (2022) mendapati bahawa terdapat kesan pengurusan zakat dan sikap amil terhadap tahap kepercayaan *muzakki*, manakala ketelusan penyata kewangan tidak terbukti secara empirikal mempengaruhi tahap amanah *muzakki*. Pengurusan zakat yang amanah dan profesional dapat meningkatkan keberkesanan dan kecekapan serta meningkatkan manfaat zakat untuk kesejahteraan masyarakat sehingga memberi impak yang besar terhadap tahap kepercayaan *muzakki* kepada amil zakat. Sikap amil yang sentiasa responsif dan memberi perkhidmatan yang terbaik serta meletakkan skala keutamaan dalam pengagihan dana zakat terbukti memberi impak yang ketara dalam meningkatkan kepercayaan *muzakki* terhadap institusi amil zakat.

Selain itu, zakat juga boleh digunakan sebagai alternatif kepada hasil negara. Menerusi kajian Satrio (2022), zakat boleh dimasukkan sebagai alternatif untuk menerima hasil dan digunakan untuk program sosial. Ia boleh diklasifikasikan sebagai dana terhad yang hanya boleh digunakan untuk program yang mematuhi syarak. Kajian ini menyerlahkan lagi peranan amil dalam konteks perbendaharaan negara dan menggesa pihak kerajaan untuk memasukkan zakat sebagai hasil bajet negara. Manakala, kajian Baharuddin et al (2022) yang berkaitan amalan zakat di kalangan kakitangan Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur (KUPTMKL) telah membuktikan bahawa kakitangan KUPTMKL membayar keseluruhan zakat

menggunakan pelbagai saluran yang disediakan oleh amil serta mempunyai kesedaran tentang amalan zakat yang menjadi tuntutan Islam. Justeru, peranan amil dilihat semakin signifikan sebagai asnaf yang menerima zakat dalam konteks syariah dan realiti semasa di Malaysia.

## Metodologi

### Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ialah strategi-strategi inkuiri penyelidikan yang membantu penyelidik dalam mencari jawapan kepada persoalan kajian agar penyelidik dapat mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan (David & Sutton, 2004; Denzin & Lincoln, 2011). Terdapat empat faktor yang mempengaruhi pemilihan reka bentuk kajian iaitu tujuan kajian, permasalahan kajian, pengalaman penyelidik dan kumpulan sasaran (Neuman, 2015; Creswell & Creswell 2018). Dalam konteks kajian ini, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melalui kaedah kepustakaan dan melibatkan data-data daripada sumber sekunder. Reka bentuk kualitatif dipilih kerana kajian ini bertujuan menganalisis pentafsiran asnaf amil dalam konteks syariah dan realiti semasa di Malaysia melalui perspektif bahasa, ulama tafsir, fuqaha mazhab, ulama kontemporari dan undang-undang di Malaysia. Setelah pelbagai data diperolehi daripada kajian kepustakaan yang telah dijalankan, kesemua data ini dianalisis dengan lebih mendalam bagi mengeneralisasikannya. Seterusnya, data-data yang telah dianalisis ini, dimasukkan ke dalam kajian penyelidikan, sebagai dapatan kajian.

### Pengumpulan Data

Penyelidik telah mengumpul data-data sekunder dalam kajian ini. Data sekunder adalah data sedia ada yang telah dikumpulkan melalui sumber primer dan diproses oleh para penyelidik yang lepas (David & Sutton, 2004). Dalam kajian ini, penyelidik mengumpul data melalui sumber-sumber rujukan Islam yang muktabar. Data-data sekunder kajian ini turut melibatkan kajian kepustakaan yang dapat dikategorikan kepada dua jenis maklumat yang utama. Pertama, data-data yang diperolehi daripada bahan-bahan yang diterbitkan. Kedua, data-data yang diperolehi daripada capaian internet melalui pangkalan data. Bagi jenis yang pertama, data-data yang terlibat adalah melalui buku, tesis, disertasi, laporan penyelidikan, kertas kerja, prosiding dan artikel melalui bengkel, seminar, persidangan dan lain-lain.

### Penganalisan Data

Penganalisan data sekunder dalam kajian ini melibatkan data-data yang berbentuk tulisan atau dokumentasi dan diperolehi melalui kajian perpustakaan dan pangkalan data. Data-data sekunder ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Proses ini melibatkan penyelidik meneliti bahan-bahan berkaitan isu kajian iaitu amil dan pentafsirannya sebagai asnaf zakat dalam konteks syarak dan realiti semasa di Malaysia. Proses-proses ini dilaksanakan secara sistematik dan berulang kali dengan memfokuskan beberapa aspek seperti konsep, tema, item dan lain-lain yang berkaitan dengan fenomena kajian (Berelsen, 1952).

## Perbincangan Hasil Kajian

### Analisis Pentafsiran Asnaf Amil dalam Konteks Syariah dan Realiti Semasa di Malaysia

Bagi menganalisis pentafsiran asnaf amil dalam konteks syariah dan realiti semasa di Malaysia, definisi dan tafsiran amil wajar dilihat dari perspektif bahasa, ulama tafsir, fuqaha mazhab, ulama kontemporari dan undang-undang di Malaysia.



## Definisi dan Tafsiran Amil

### Bahasa

Perkataan amil pada asalnya diambil daripada perkataan Arab, iaitu *'amil*. *'Amil* terbit daripada kata kerja *'amila*, *ya'malu*, *'amalan* yang juga membawa erti orang yang dipertanggungjawabkan ke atas urusan harta, pemilikan dan pekerjaan. Ibn Manzur (1996) menjelaskan bahawa orang yang ditugaskan untuk mengutip zakat daripada pemilik harta digelar sebagai amil. Manakala Mustaffa et al (1985) pula mengatakan bahawa amil ialah orang yang bekerja dalam bidang pekerjaannya atau perusahaannya, iaitu individu yang ditugaskan untuk mengutip zakat. Dalam ayat asnaf lapan, Allah SWT menyebut *wa al-'amilina 'alaiha*. *'Amilin* ini merupakan kata majmuk bagi *'amil* yang juga merujuk kepada individu yang mengambil atau mengutip sedekah zakat dari sumbernya.

Dari segi bahasa Melayu pula, amil ialah orang yang berhak untuk diberikan tauliah untuk menerima atau mengumpul zakat (Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan, 1995). Sementara itu, amil turut didefinisikan sebagai orang yang diberi kuasa untuk memungut zakat (Kamus Dewan, 1984). Ringkasnya, amil merupakan perkataan Arab yang membawa maksud individu yang dipertanggungjawabkan ke atas urusan harta, pemilikan dan pekerjaan seseorang termasuklah individu yang ditugaskan untuk mengutip zakat.

### Ulama Tafsir

Terdapat beberapa ulama tafsir yang memberi tafsiran amil berdasarkan ayat asnaf lapan dalam karya-karya tafsir masing-masing. Antaranya adalah Al-Qurtubi (2011), Al-'Arabi (2003), Ibn Kathir (1999), Al-Shawkani (1993) dan Hamka (2020). Al-Qurtubi (2011) mentafsirkan amil sebagai pengurus-pengurus zakat yang mana mereka bertanggungjawab mengumpul dan membahagikan zakat mengikut perintah imam. Dalam konteks ini, amil bukan hanya menjadi wakil sahaja tetapi menjadi penerima daripada pemberi zakat. Sementara itu, menurut Al-'Arabi (2003), amil merujuk kepada orang yang melakukan setiap amalan fardhu kifayah seperti mengumpul dan menyalurkan zakat serta menulis hutang. Oleh itu, mereka dibenarkan untuk mengambil upah daripada pekerjaan tersebut.

Ibn Kathir (1999) berpendapat bahawa amil yang dimaksudkan adalah orang yang bekerja atau berkhidmat untuk mengumpul zakat. Maka, mereka layak untuk menerima bahagian zakat kecuali jika terdapat beberapa perkara yang menghalangnya seperti mempunyai hubungan kerabat dengan Rasulullah SAW kerana golongan ini telah diputuskan tidak layak menerima bahagian zakat. Al-Shawkani (1993) pula menyatakan bahawa terdapat perbezaan pandangan para ulama tentang kadar yang layak diambil oleh amil. Dalam mendefinisikan amil, beliau menjelaskan bahawa amil merupakan para pengutip zakat yang diutuskan oleh imam atau pemerintah untuk memungut zakat. Berdasarkan definisi ini, golongan amil berhak untuk mengambil bahagian zakat.

Sesetengah ulama seperti Abu Hanifah dan sahabatnya berpendirian bahawa kadar tersebut diambil mengikut upah daripada Baitulmal. Pandangannya ini pernah diriwayatkan oleh Imam Malik. Pandangan yang lain pula menjelaskan bahawa kadar yang layak diambil haruslah mengikut upah pekerjaan mereka. Manakala, Syafi'i dan Mujahid pula meletakkan satu perlapan sebagai kadar zakat yang layak diambil oleh amil. Ulama tafsir kontemporari seperti Hamka mentafsirkan amil sebagai pengurus-pengurus atasnya. Justeru, beliau juga bersetuju jika amil diberikan bahagian zakat kerana terlibat dengan tugas-tugas mengutip dan mengumpul zakat (Hamka, 2020). Kesimpulannya, tugas amil jelas merangkumi kerja-kerja mengumpul,

mengutip, menjaga dan mengagihkan zakat dan ini membuatkan golongan amil layak dan berhak menerima bahagian zakat.

### Fuqaha Mazhab

Para fuqaha mazhab telah membahaskan definisi amil secara panjang lebar dalam penulisan-penulisan kitab klasik mazhab masing-masing. Kesemua fuqaha bersetuju bahawa selain daripada ayat asnaf lapan, beberapa hadith turut menjadi sandaran kepada keharusan golongan amil menerima zakat atau dalam erti kata lain menjadi asnaf yang layak diberikan zakat kepadanya. Antaranya adalah hadith-hadith berikut:

Maksudnya: *“Aku datang kepada Rasulullah SAW lalu melakukan janji setia dengannya, lalu Baginda menyampaikan hadith. Tiba-tiba dia didatangi oleh seorang lelaki lalu berkata: “Berikanlah aku sedekah (zakat).” Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya Allah SWT belum meredhai sesuatu hukum yang dikeluarkan oleh Nabi-Nya atau orang lain dalam perkara sedekah zakat sehinggalah Dia memberikan sendiri hukum pada perkara tersebut. Maka Dia telah menetapkannya untuk dibahagikan kepada lapan bahagian. Sekiranya engkau daripada bahagian itu, aku akan berikan atau kami akan berikan hak engkau.*

(Riwayat Al-Baihaqi)

Maksudnya: *“Tidak dihalaikan sedekah bagi orang kaya dan orang yang mempunyai kekuatan tubuh badan.”*

(Riwayat Al-Tirmidhi)

Menurut Al-Bahuti (1982) dan Al-Shafi’i (t.th), kedua-dua hadith ini jelas menunjukkan bahawa terdapat kesepakatan ulama (ijmak) mengenai golongan asnaf zakat, iaitu hanya lapan golongan yang dinyatakan sahaja yang dibenarkan untuk menerima zakat di sisi syarak. Manakala, selain daripada golongan ini, maka mereka diharamkan sama sekali daripada mengambil bahagian zakat. Al-Shafi’i (t.th) turut menjelaskan bahawa hukum pemberian zakat ini akan kekal selagi mana asnaf-asnaf tersebut wujud dan adalah tidak dibenarkan untuk menggugurkan mana-mana asnaf lapan ini. Walaupun secara jelasnya, para fuqaha bersetuju dengan golongan asnaf yang layak menerima zakat seperti yang termaktub dalam Al-Qur’an dan hadith, namun, mereka berbeza pandangan tentang pentafsiran dan penentuan ciri-ciri dan kelayakan setiap asnaf. Perbezaan pandangan ini juga dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti peredaran masa dan perubahan budaya hidup yang akhirnya turut memberi kesan kepada praktikaliti agihan zakat (Abd. Khafidz, 2017).

Antara fuqaha mazhab Hanafi yang memberikan definisi amil ialah Al-Kasani (t.th), Al-Sarakhsi (1986) dan Ibn ‘Abidin (1984). Amil didefinisikan sebagai orang yang dilantik oleh imam untuk mengutip zakat dan kemudiannya diberikan zakat daripada kutipan yang dijalankan sehingga mencukupi keperluannya dan orang yang membantunya. Definisi ini memberi konotasi bahawa tugas amil telah diterhadkan kepada mereka yang bertanggungjawab mengutip zakat sahaja tanpa terlibat untuk mengagihkannya. Al-Kasani (t.th), Al-Sarakhsi (1986) dan Ibn ‘Abidin (1984) juga berpendirian bahawa tugas mengagihkan zakat ini seharusnya dilakukan oleh pemerintah dan bukannya amil. Malah, berdasarkan definisi fuqaha klasik mazhab Hanafi juga, terdapat kemungkinan bahawa pihak-pihak yang terlibat dalam urusan pengagihan zakat dibayar upahnya melalui wang daripada Baitulmal seperti *‘ushr*, *kharaj* dan lain-lain yang boleh digunakan untuk kemaslahatan am (Ab Rahman et al, 2020).

Sementara itu, menurut fuqaha mazhab Maliki pula seperti Al-Dusuqi (t.th) misalnya, amil merupakan pengutip (*jab*) dan pengagih (*mufarriq*). Hanya dua golongan iaitu penggembala (*ra'i*) dan pengawal (*haris*) yang tidak termasuk dalam kategori amil. Manakala, pembahagi (*al-Qasim*), jurutulis (*al-Katib*) dan pengumpul harta (*al-Hashir*) termasuk dalam kategori pengagih zakat. Hanya pemegang harta (*al-Qabid li al-Sadaqah*) sahaja yang dikategorikan sebagai pengutip zakat. Menurut Al-Qurtubi (2011), amil merupakan individu yang mengutip dan mengagihkan zakat. Upah amil pula dibayar sesuai mengikut pekerjaan yang dilakukan. Definisi amil daripada fuqaha mazhab Maliki ini adalah lebih luas berbanding mazhab Hanafi.

Beberapa fuqaha mazhab Syafi'i juga telah mentafsirkan amil mengikut pentafsiran masing-masing. Antaranya adalah Al-Shafi'i (t.th) dan Al-Nawawi (1991). Al-Shafi'i (t.th) menyatakan amil ialah individu yang dilantik untuk mengambil zakat daripada orang yang diwajibkan zakat ke atasnya. Manakala, Al-Nawawi (1991) pula telah membahagikan golongan amil ini kepada beberapa bidang seperti peronda (*al-Sa'i*), jurutulis (*al-Katib*), pembahagi atau pengagih (*al-Qassam*), pengumpul harta (*al-Hashir*), ketua kampung atau penghulu (*al-'Arif*), akauntan atau jurukira (*al-Hasib*) dan penjaga harta (*hafiz al-Mal*). Selain itu, terdapat beberapa golongan yang tidak layak menerima zakat daripada kategori amil seperti jurutimbang (*al-Kayyal* dan *al-Wazzan*) dan jurukira binatang (*'add al-Ghanam*). Hal ini kerana mereka menjadi tanggungan pemberi zakat. Oleh itu, upah bagi kategori-kategori mereka diambil daripada harta pemilik tersebut (Al-Shafi'i, t.th; Al-Nawawi, 1991). Golongan lain yang tidak layak menerima zakat juga termasuklah khalifah, sultan, pemerintah tertinggi dan gabenor. Penglibatan golongan seumpama ini dalam hal ehwal zakat akan dibayar upahnya melalui harta *al-Khums* seperti *foy'* dan *ghanimah* bagi tujuan kemaslahatan am.

Dalam mazhab Hanbali, amil merupakan individu yang dihantar oleh imam atau pemerintah untuk mengutip zakat daripada sumber-sumbernya, mengumpul dan menyimpannya serta memindahkannya termasuklah, sesiapa sahaja yang telah membantu memacunya (binatang ternakan yang diambil sebagai zakat) dan membelanya serta membawanya. Amil juga ialah pengutip zakat (*al-Jubah*) dan penjaga zakat (*al-Hafiz*), serta termasuk dalam kategori amil golongan-golongan yang terlibat dalam urusan zakat seperti jurutulis (*al-Katib*), jurutimbang (*al-Kayyal* dan *al-Wazan*), jurubilang (*al-'Addad*) atau individu-individu yang diperlukan perkhidmatannya dalam urusan zakat. Menurut Ibn Qudamah (t.th), pemerintah boleh melantik amil untuk urusan kutipan, agihan atau kedua-duanya sekali. Malah, Rasulullah SAW pernah menghantar 'Umar, Abu Musa dan beberapa sahabat lain untuk mengutip zakat dan memberikan upah atas tugas mereka. Pandangan Ibn Qudamah ini membuktikan bahawa tugas amil bukanlah terbatas kepada kutipan zakat sahaja, sebaliknya meliputi agihan juga.

**Jadual 1: Aspek Pentafsiran Amil Mengikut Pandangan Fuqaha Klasik**

Bil	Aspek Pentafsiran	Hanafi	Maliki	Syafi'i	Hanbali
1.	Pentauliahan / pelantikan	/	x	/	/
2.	Mengutip zakat	/	/	/	/
3.	Mengagihkan zakat	x	/	/	/
4.	Menjaga / menyimpan zakat	x	x	x	/
5.	Memindahkan zakat	x	x	x	/
6.	Semua pihak yang membantu	/	x	x	/

Sumber: Abd. Khafidz (2017)

Jadual 1 merupakan ringkasan aspek pentafsiran amil mengikut pandangan fuqaha klasik. Terdapat beberapa aspek pentafsiran yang diambil kira oleh para fuqaha mazhab iaitu pentauliahian atau pelantikan, kutipan, agihan, penjagaan atau penyimpanan zakat, pemindahan zakat serta semua pihak yang membantu dalam urusan zakat. Hampir kesemua fuqaha mazhab kecuali Maliki bersetuju bahawa amil mestilah mendapat pentauliahian atau pelantikan secara rasmi daripada pemerintah. Hal ini kerana urusan zakat termasuk dalam tanggungjawab *ulul amri* atau pemimpin Islam yang memerintah masyarakat tersebut. Perkara ini dapat memastikan bahawa zakat dapat dikutip dan diagihkan dengan amanah dan telus kepada golongan asnaf tanpa ada pihak yang ditindas.

Dari segi kutipan pula, kesemua fuqaha mazhab bersetuju bahawa amil bertanggungjawab mengutip zakat. Manakala, dari segi agihan pula, kesemua fuqaha mazhab kecuali Hanafi bersetuju bahawa amil juga bertanggungjawab mengagihkannya. Meskipun demikian, dari segi pentafsiran tanggungjawab agihan zakat ini, hanya fuqaha mazhab Maliki yang menyatakannya secara jelas berbanding mazhab Syafi'i dan Hanbali. Walau bagaimanapun, fuqaha mazhab Syafi'i ada menyatakan bahawa pengagih (*al-Qasim*) adalah layak untuk menerima bahagian zakat.

Selain itu, hanya mazhab Hanbali yang mengulas tentang tugas menjaga dan menyimpan zakat. Ini kerana, fuqaha mazhab Hanbali membenarkan pemerintah sendiri melantik amil untuk melakukan kedua-dua tugas yang melibatkan kutipan dan agihan zakat kerana tugas mengagih turut dianggap sebahagian daripada tugas amil. Mazhab Hanafi dan Hanbali pula mengiktiraf semua pihak yang membantu selain daripada mereka yang terlibat dengan kutipan dan agihan sebagai amil dan layak diberikan bahagian zakat.

Manakala, majoriti fuqaha juga mempunyai tafsiran yang luas tentang definisi amil kecuali mazhab Hanafi yang terhad kepada urusan kutipan sahaja. Pada pandangan mazhab Hanafi, bahagian zakat yang diberikan kepada amil mestilah diambil daripada zakat yang dikutipnya sendiri tanpa membabitkan urusan kutipan amil yang lain. Bahagian zakat ini pula perlu mematuhi dua syarat iaitu diagihkan oleh pemerintah yang telah melantik amil tersebut dan mencukupi bagi menampung keseluruhan kos kutipan zakat.

Jadual 2 pula mewakili ringkasan kelayakan bagi penerimaan zakat di bawah asnaf amil. Melalui jadual ini, dapat dirumuskan bahawa para fuqaha mazhab mempunyai pelbagai pandangan yang berbeza mengenai petugas-petugas yang layak menerima bahagian zakat di bawah asnaf amil. Peringkat kerja amil merangkumi tiga proses utama iaitu pra kutipan, semasa kutipan dan pasca kutipan. Fuqaha mazhab Hanafi telah mengupas secara jelas tentang pemberian zakat kepada pembantu amil dalam urusan kutipan, manakala bagi petugas-petugas lain, ia tidak dinyatakan secara jelas. Mazhab Maliki pula menyatakan pemberian zakat kepada tukang kumpul barang (*al-Hashir*), pengutip zakat (*al-Qabid li al-Sadaqah / al-Sa'i*), jurutulis (*al-Katib*) dan pengagih (*al-Qasim*). Penggembala (*ra'i*) dan penjaga (*haris*) pula tidak termasuk dalam golongan amil dan tidak layak menerima bahagian zakat. Bagi fuqaha mazhab Syafi'i, mereka hanya menyatakan bahawa ketua kabilah / ketua kampung (*al-'Arif*), jurukira (*al-Hasib*), pengutip zakat (*al-Qabid li al-Sadaqah / al-Sa'i*), jurutulis (*al-Katib*), penjaga harta (*hafiz al-Mal*) dan pengagih (*al-Qasim*) layak menerima bahagian zakat. Sementara, pemerintah (*al-Imam / al-Sultan*), tukang kira binatang (*'add al-Ghanam*) dan jurutimbang (*al-Kayyal / al-Wazzan*) adalah bukan amil dan tidak berhak menerima bahagian zakat. Kelayakan menerima zakat di bawah asnaf amil adalah lebih luas mengikut pandangan fuqaha mazhab Hanbali kerana merangkumi semua pembantu amil dalam urusan kutipan, tukang kira binatang

(*'add al-Ghanam*), jurutimbang (*al-Kayyal / al-Wazzan*), pemandu (*al-Sa'iq*), jurutulis (*al-Katib*), penggembala (*ra'i*), penjaga harta (*hafiz al-Mal*), tukang pikul (*al-Hamil*) dan pengagih (*al-Qasim*).

**Jadual 2: Kelayakan Menerima Zakat di Bawah Asnaf Amil**

Peringkat Kerja	Petugas	Hanafi	Maliki	Syafi'i	Hanbali
Pra Kutipan	Pemerintah ( <i>al-Imam /al-Sultan</i> )	-	-	x	-
	Ketua kabilah / ketua kampung ( <i>al-'Arif</i> )	-	-	/	-
	Tukang kumpul barang ( <i>al-Hashir</i> )	-	/	-	-
Semasa Kutipan	Semua pembantu amil dalam urusan kutipan	/	-	-	/
	Tukang kira binatang ( <i>'add al-Ghanam</i> )	-	-	x	/
	Jurukira ( <i>al-Hasib</i> )	-	-	/	-
	Jurutimbang ( <i>al-Kayyal / al-Wazzan</i> )	-	-	x	/
	Pemandu ( <i>al-Sa'iq</i> )	-	-	-	/
Pasca Kutipan	Pengutip zakat ( <i>al-Qabid li al-Sadaqah / al-Sa'i</i> )	-	/	/	-
	Jurutulis ( <i>al-Katib</i> )	-	/	/	/
	Penggembala ( <i>ra'i</i> )	-	x (bukan amil)	-	/
	Penjaga ( <i>haris</i> )	-	x (bukan amil)	-	-
	Penjaga harta ( <i>hafiz al-Mal</i> )	-	-	/	/
	Tukang pikul ( <i>al-Hamil</i> )	-	-	-	/
	Pengagih ( <i>al-Qasim</i> )	-	/	/	/

Sumber: Abd. Khafidz (2017)

Tuntasnya, terdapat beberapa persamaan dan perbezaan di antara pandangan para fuqaha klasik dalam mentafsirkan amil yang layak menerima bahagian zakat. Antara titik persamaan tersebut ialah aspek kutipan zakat. Selain itu, pentauliahan juga turut diambil kira oleh para fuqaha mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali dalam mentafsirkan amil. Melihat kepada situasi realiti semasa di Malaysia, adalah wajar jika pandangan mazhab Hanafi diambil kira kerana menurutnya semua pihak yang telah membantu amil dianggap layak dan berhak menerima bahagian zakat di bawah golongan amil.

### Ulama Kontemporari

Ulama kontemporari seperti Al-Zuhayli (1996) dan Al-Qaradhawi (2000) turut memberikan pentafsiran amil dalam konteks semasa. Al-Zuhayli (1996) mentafsirkan amil sebagai individu yang berulang alik (*al-Su'ah*) untuk mengutip zakat termasuklah pengagihnya yang digelar sebagai *al-Qasim*. Antara kaedah yang diaplikasikan untuk membezakan di antara golongan yang berhak dan tidak berhak menerima zakat di bawah asnaf amil adalah semua pihak yang terlibat dalam urusan zakat secara langsung iaitu sama ada melibatkan kutipan atau agihan dianggap layak untuk menerima zakat di bawah asnaf amil. Namun, pihak yang terlibat dalam urusan prakutipan dianggap tidak layak menerima zakat kecuali amil. Hal ini kerana pihak ini telah menjadi tanggungan pembayar zakat. Antara contoh golongan ini ialah jurukira yang

dipertanggungjawabkan untuk membuat pengiraan tentang aset dan liabiliti serta menentukan jumlah yang perlu dibayar zakat oleh pembayar zakat.

Al-Qaradhawi (2000) pula mentafsirkan amil sebagai individu yang bertanggungjawab untuk mengutip dan mengagihkan zakat. Menurutnya, berdasarkan pentafsiran yang dibuat berkaitan ayat asnaf lapan, '*amiluna 'alaiha* merujuk kepada semua individu yang bertugas dalam organisasi pentadbiran hal ehwal zakat. Selain itu, beliau turut menjenamakan semula istilah amil seperti Badan Pentadbiran dan Perbendaharaan Zakat yang diambil daripada Imam Al-Shafi'i. Imam Al-Shafi'i pernah memperkenalkan istilah amil sebagai Jabatan Pengurusan Zakat sebelum ini (Al-Qaradhawi, 2000; Al-Shafi'i, t.th). Istilah yang hampir sama juga turut diberikan oleh Umar Sulaiman Al-Ashqar (2000), di mana beliau menamakannya sebagai Jabatan Pengurusan Perbendaharaan Zakat (Al-Ashqar, 2000).

Kesimpulannya, pandangan para ulama kontemporari adalah hampir sama dengan para fuqaha klasik, iaitu amil merupakan individu yang terlibat dengan urusan kutipan dan agihan zakat. Namun, para ulama kontemporari telah memperluaskan lagi skop tugas amil dalam memberikan pentafsiran amil sesuai mengikut peredaran zaman dan keperluan semasa.

#### Undang-Undang di Malaysia

Di Malaysia, urusan berkaitan hal ehwal zakat diletakkan di bawah bidang kuasa negeri sepertimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Oleh yang demikian, perkara berkaitan kutipan zakat dan pengurusannya menjadi hak eksklusif negeri-negeri, di mana setiap negeri mempunyai kuasa untuk memungut zakat dan fitrah serta mewujudkan institusi kutipan zakatnya sendiri. Pemungutan zakat dan fitrah di negeri-negeri di Malaysia juga adalah berdasarkan kepada enakmen, akta atau ordinan yang terpakai di negeri masing-masing. Jadual 4 merupakan senarai peruntukan kuasa memungut zakat dan fitrah di Malaysia.

**Jadual 3: Peruntukan Kuasa Memungut Zakat dan Fitrah di Malaysia**

Bil	Negeri	Enakmen	Seksyen	Peruntukan
1.	Perlis	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006	Seksyen 86, Bahagian 6	Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam negeri Perlis mengikut hukum syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah.
2.	Kedah	Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015	Seksyen 18(1) & (2)	18(1) Lembaga hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang yang beragama Islam yang kena dibayar di Negeri Kedah Darul Aman dan mengagihkannya mengikut hukum syarak bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. 18(2) Lembaga hendaklah berkuasa mengagihkan kesemua hasil kutipan zakat dan zakat fitrah kepada asnaf yang dinyatakan di bawah subseksyen 18(3).

3.	Pulau Pinang	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004	Seksyen 86, Bahagian 6,	Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam negeri Pulau Pinang mengikut hukum syarak bagi pihak Yang di-Pertuan Agong.
4.	Perak	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004	Seksyen 75, Bahagian 6	Majlis berkuasa memungut zakat dan fitrah yang kena dibayar oleh tiap-tiap orang Islam dalam negeri Perak Darul Ridzuan dan mengagihkannya mengikut hukum syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.
5.	Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003	Seksyen 86, Bahagian 6	Majlis hendaklah berkuasa memungut dan mengagih zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam negeri Selangor mengikut hukum syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.
6.	Negeri Sembilan	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003	Seksyen 86, Bahagian 6	Majlis berkuasa memungut zakat dan fitrah yang kena dibayar oleh tiap-tiap orang dalam Negeri Sembilan mengikut hukum syarak bagi pihak Yang di-Pertuan Besar.
7.	Melaka	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002	Seksyen 74, Bahagian 6	Majlis berkuasa memungut zakat dan fitrah yang kena dibayar oleh tiap-tiap orang Islam di dalam negeri Melaka mengikut hukum syarak bagi pihak Yang di-Pertuan Agong.
8.	Johor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003	Fasal 86, Bahagian 6	Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam negeri Johor mengikut hukum syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.
9.	Kelantan	Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (Negeri Kelantan) 1994	Seksyen 51, Bahagian 3	Majlis hendaklah mempunyai kuasa tunggal dan mempunyai kewajipan memungut semua jenis zakat atau fitrah dalam Negeri ini dan membelanjakan hasil pungutan itu sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dengan berasaskan kepada hukum syarak.
10.	Terengganu	Enakmen Majlis Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Negeri Terengganu) 2001	Seksyen 70, Bahagian 5	Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam negeri Terengganu mengikut

			hukum syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.
11. Pahang	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Pahang) 1991	Seksyen 82, Bahagian 5	Majlis hendaklah mempunyai kuasa dan hendaklah berkewajipan memungut semua zakat dan fitrah yang kena dibayar dalam negeri Pahang menurut hukum syarak.
12. Sabah	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Sabah) 1992	Seksyen 56, Bahagian 3	Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam negeri Sabah mengikut hukum syarak bagi pihak Yang di-Pertuan Agong. Zakat dan fitrah hendaklah dipungut dan dibahagikan oleh Majlis mengikut peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa.
13. Sarawak	Ordinan Islam Sarawak 2001	Majlis Sarawak Seksyen 65, Bahagian 7	(1) Tertakluk kepada Ordinan ini, Majlis hendaklah mempunyai kuasa, dan hendaklah berkewajipan, untuk memungut dan melupuskan semua zakat dan fitrah yang kena dibayar di dalam negeri mengikut Undang-Undang Islam sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis, dengan kelulusan Yang di-Pertua Negeri

Sumber: Ab Rahman et al (2020)

Berdasarkan Jadual 3, didapati bahawa majoriti negeri di Malaysia iaitu Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak telah mempunyai peruntukan khusus berkaitan kuasa MAIN untuk memungut zakat dan fitrah sebagai wakil kepada sama ada DYMM Sultan, Yang di-Pertua Negeri, Yang di-Pertuan Besar atau Yang di-Pertuan Agong. Peruntukan ini termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (EPAIN) atau ordinan. Manakala, hanya minoriti negeri di Malaysia sahaja iaitu Kedah dan Wilayah Persekutuan yang mempunyai peruntukan lain selain EPAIN dan ordinan berkaitan zakat.

Di Kedah pula, bidang kuasa memungut zakat dan fitrah termaktub dalam Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015. Menurut enakmen ini, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) berkuasa memungut zakat dan fitrah berdasarkan Seksyen 18(1) & (2). Situasi yang berbeza dilihat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, di mana Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) berkuasa mengutip dan memungut zakat dan fitrah di wilayah tersebut mengikut Seksyen 107 dan 108 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1953 (Enakmen No. 3 1952) (Negeri Selangor). Enakmen ini turut terpakai di Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya selain di Kuala Lumpur. Rujukan bagi penguatkuasaan enakmen ini adalah sepertimana dalam Seksyen 103, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. "Enakmen" tersebut adalah merujuk kepada "Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952" bagi negeri Selangor:



*“Bahagian I, II, III, IV, V, VIII dan X (kecuali Seksyen 52 hingga 93 dan 107 hingga 109) hendaklah terhenti terpakai bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan”*

Beberapa pengubahsuaian telah dilakukan menyebabkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya turut menggunakan enakmen negeri Selangor. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pindaan telah dilakukan mengikut kuasa Seksyen 6(1) Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 1973 (Akta A206) dan Akta Pentadbiran Hukum Syarak (Pindaan) 1984 (Akta A576). Di Labuan, pengubahsuaian dilakukan mengikut Seksyen 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 1984 (Akta A585). Manakala di Wilayah Persekutuan Putrajaya pula, pindaan dilaksanakan berdasarkan Seksyen 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001 (Akta A1095). Yang di-Pertuan Agong telah meluluskan beberapa perintah dan ini selari dengan Seksyen 6(4) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 yang memperuntukkan:

*“Yang di-Pertuan Agong boleh, apabila jua didapati oleh Yang di-Pertuan Agong perlu atau mustahak berbuat sedemikian samada bagi maksud menghapuskan kesulitan-kesulitan atau oleh sebab lulusnya akta ini, dengan perintah membuat apa-apa ubahsuaian sebagaimana yang difikirkan patut oleh Yang di-Pertuan Agong kepada mana-mana peruntukan dalam mana-mana undang-undang yang sedia ada.”*

Dari segi pentadbiran hal ehwal zakat pula, ia adalah terhad kepada bidang kuasa negeri-negeri yang mentadbirnya sama ada melalui EPAIN, akta atau ordinan secara amnya atau melalui kaedah atau peraturan zakat khusus yang diwujudkan di beberapa buah negeri di Malaysia. Dalam konteks Malaysia, hanya enam buah negeri yang mempunyai kaedah atau peraturan zakat khusus iaitu Kedah (Peraturan-Peraturan Zakat 1982), Selangor (Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012 (Sel P.U. 47/2012)), Melaka (Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah, Urusan Wakaf dan Baitulmal Negeri Melaka 1982 (M.P.U. 5/82)), Pahang (Kaedah-Kaedah Zakat dan Fitrah 1970 (Phg. P.U. 18/70)), Sabah (Enakmen Zakat & Fitrah 1993 (En. 6/93) (Sabah)) dan Sarawak (Undang-Undang Zakat dan Fitrah (Swk. L.N. 94/66) Sarawak). Jadual 5 merupakan kaedah atau peraturan zakat mengikut negeri-negeri di Malaysia.

Meskipun begitu, di Kedah, walaupun Enakmen Zakat 1374 (1955) telah dimansuhkan dan digantikan dengan Enakmen Lembaga Zakat Kedah 2015, namun Peraturan-Peraturan Zakat 1982 masih berkuatkuasa dan terpakai bagi orang-orang Islam di negeri Kedah (Mohammad Azam & Zuryati Mohamed Yusoff, 2005). Perkara ini diperuntukkan dalam Seksyen 53(2) Enakmen Lembaga Zakat Kedah 2015 seperti berikut:

*“Mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Enakmen terdahulu, setakat yang perundangan subsidiari itu selaras dengan Enakmen ini, terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan atau digantikan oleh mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Enakmen ini, dan hendaklah bagi segala maksud disifatkan telah dibuat di bawah Enakmen ini.”*

**Jadual 4: Kaedah / Peraturan Zakat Mengikut Negeri-Negeri di Malaysia**

Bil	Negeri	Kaedah / Peraturan Zakat
1.	Perlis	Tidak diketahui
2.	Kedah	Peraturan-Peraturan Zakat 1982
3.	Pulau Pinang	Tidak diketahui

4.	Perak	Tidak diketahui
5.	Selangor	Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012 (Sel P.U. 47/2012)
6.	Wilayah Persekutuan	Tidak diketahui
7.	Negeri Sembilan	Tidak diketahui
8.	Melaka	Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah, Urusan Wakaf dan Baitulmal Negeri Melaka 1982 (M.P.U. 5/82)
9.	Johor	Tidak diketahui
10.	Kelantan	Tidak diketahui
11.	Terengganu	Tidak diketahui
12.	Pahang	Kaedah-Kaedah Zakat dan Fitrah 1970 (Phg. P.U. 18/70)
13	Sabah	Enakmen Zakat & Fitrah 1993 (En. 6/93) (Sabah)
14.	Sarawak	Undang-Undang Zakat dan Fitrah (Swk. L.N. 94/66) Sarawak

Sumber: Ab Rahman et al (2020)

Selain itu, definisi amil juga telah disesuaikan mengikut MAIN di setiap negeri. Menurut Jadual 5, didapati bahawa definisi amil mengikut negeri-negeri di Malaysia adalah hampir sama. Majoriti negeri-negeri di Malaysia mentafsirkan amil sebagai individu atau institusi yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat sama ada mengurus dan mentadbir hal ehwal pungutan, pengagihan atau yang mengawasi urusan kewangan zakat.

**Jadual 5: Definisi Amil Mengikut Negeri-Negeri di Malaysia**

Bil	Negeri	Definisi Amil
1.	Perlis	Amil ialah mereka yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat sama ada individu atau organisasi bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal zakat termasuk urusan pemungutan, agihan, urusan kewangan dan sebagainya.
2.	Kedah	Amil ialah pihak yang dilantik oleh K.D.M.M Tuanku Sultan untuk menjalankan tugas-tugas pengurusan zakat meliputi pungutan dan agihan.
3.	Pulau Pinang	Amil ialah orang yang diberi tugas untuk mengumpulkan dan mengagihkan zakat. Orang yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat sama ada individu atau organisasi bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal zakat.
4.	Perak	Amil ialah mereka yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat sama ada individu atau organisasi bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal zakat termasuk pungutan, agihan, urusan kewangan dan sebagainya.
5.	Selangor	Amil ialah pihak yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi mewakili DYMM Sultan untuk menjalankan tugas-tugas pengurusan zakat meliputi pungutan dan agihan.
6.	Wilayah Persekutuan	Amil ialah mereka yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat sama ada individu atau organisasi bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal zakat termasuk pemungutan, agihan, urusan kewangan dan sebagainya.

- |                    |  |
|--------------------|--|
| 7. Negeri Sembilan | Amil merupakan orang yang dilantik oleh pemerintah untuk menjalankan tugas pungutan dan pengagihan.  |
| 8. Melaka          | Amil merupakan individu atau organisasi yang dilantik oleh MAIDAM, yang bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja urusan pemungutan atau kutipan zakat.   |
| 9. Johor           | Amil ialah individu atau institusi yang terlibat secara langsung dengan zakat sama ada mengurus dan mentadbir hal ehwal pungutan, pengagihan atau yang mengawasi urusan kewangan zakat.                          |
| 10. Kelantan       | Amil adalah mereka yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat sama ada individu atau organisasi bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal zakat termasuk pungutan, agihan, urusan kewangan dan sebagainya. |
| 11. Terengganu     | Amil ialah individu atau organisasi yang dilantik oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), yang bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja urusan pemungutan atau kutipan zakat.               |
| 12. Pahang         | Amil ialah individu atau institusi yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat sama ada mengurus dan mentadbir hal ehwal pungutan, pengagihan atau yang mengawasi urusan kewangan zakat.                |
| 13. Sabah          | Amil merupakan seorang yang dilantik oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) bagi memungut zakat di dalam negeri Sabah mengikut hukum syarak.   |
| 14. Sarawak        | Amil ialah orang yang dilantik atau pekerja-pekerja (kakitangan) yang boleh dipercayai mengurus hal ehwal zakat, mengumpul dan membahagikan kepada yang berhak menerimanya sesuai dengan hukum syarak.           |
| 15. JAWHAR         | Amil ialah individu atau institusi yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat sama ada mengurus dan mentadbir hal ehwal pungutan, pengagihan atau yang mengawasi urusan kewangan zakat.                |

Sumber: Ab Rahman et al (2020)

Hasil analisis mendapati bahawa pada dasarnya tafsiran amil di Malaysia adalah sama dengan tafsiran yang dilakukan oleh para fuqaha klasik dan kontemporari serta telah mengambil kira kehendak syarak dan adat masyarakat tempatan. Namun begitu, masih ada ruang-ruang penambahbaikan bagi pentafsiran asnaf amil dari masa ke semasa sesuai mengikut peredaran zaman terutamanya selepas era pandemik COVID-19.

Skop tugas amil pada zaman awal pensyariatannya adalah lebih tertumpu kepada kerja-kerja turun padang untuk mengutip zakat fitrah dan harta yang sememangnya bersesuaian dengan realiti pada zaman tersebut. Di Malaysia, realitinya, amil dapat dipecahkan kepada dua tugas utama iaitu hakiki dan majazi (Abd. Khafidz, 2017). Tugas amil hakiki telah diterhadkan kepada kutipan zakat fitrah semata-mata tanpa melibatkan jenis zakat yang lain. Zakat lain pula diserahkan kepada pejabat zakat. Pada kebiasaannya, amil ini ditempatkan di masjid-masjid dan dilantik oleh MAIN. Mereka juga berkhidmat di bawah amil fitrah dan mewakili bidang tugas masing-masing di institusi zakat. Tugas amil hakiki turut dilakukan secara bersendirian tanpa pembantu amil di masjid. Bagi amil majazi pula, mereka adalah semua pihak yang terlibat dengan pengurusan zakat secara langsung tetapi mempunyai jawatannya yang tersendiri mengikut kepakaran masing-masing seperti akauntan, pegawai, kerani dan lain-lain yang

berkhidmat di institusi zakat. Oleh yang demikian, kesemua pihak yang terlibat dalam pengurusan zakat iaitu amil hakiki dan majazi layak untuk menerima bahagian zakat asnaf amil.

Selain daripada tugas mengutip dan mengagih zakat, pembantu amil juga layak menerima bahagian zakat asnaf amil. Ini disebabkan oleh tugas pembantu amil turut dibahaskan oleh para fuqaha klasik. Perbezaan perbahasan pula berpunca daripada sebahagian fuqaha yang menghadkan tugas-tugas ini kepada bidang-bidang tertentu seperti jurutulis, penjaga harta, pengumpul harta, jurukira dan sebagainya. Ulama kontemporari seperti Al-Zuhayli (1996) telah membuat suatu garis pemisah di antara pihak yang layak dan tidak layak menerima bahagian zakat asnaf amil. Menurut mereka yang terlibat dalam proses pra kutipan adalah tidak layak untuk menerima bahagian zakat. Manakala, yang terlibat dalam proses kutipan dan agihan dianggap layak menerima bahagian zakat asnaf amil. Di Malaysia, pelantikan pembantu amil adalah sinonim dengan pentauliahan. Pihak MAIN mestilah melantik pembantu amil secara rasmi untuk melayakkannya juga menerima bahagian zakat asnaf amil.

Selain itu, analisis turut menemui bahawa pentafsiran asnaf golongan amil perlu diperluaskan dalam konteks realiti semasa di Malaysia. Hal ini kerana realitinya, jumlah kutipan zakat yang seringkali meningkat saban tahun dan bilangan asnaf yang kian bertambah menyebabkan zakat perlu diuruskan kutipannya secara sepadu dengan melibatkan pelbagai bidang tugas dan kepakaran. Pandemik COVID-19 telah memaksa amil untuk bekerja dengan lebih keras sesuai dengan norma baharu demi menjalankan tanggungjawab asasnya seperti yang ditetapkan oleh syarak. Dari satu sudut yang lain, ia turut membuka dimensi baharu terhadap pengurusan kutipan dan agihan zakat di Malaysia seperti penggunaan teknologi kewangan, pembangunan sistem digital dan lain-lain yang semakin berkembang kesan daripada wabak ini. Selaras dengan evolusi perkembangan ini, maka pentafsiran asnaf amil perlu disesuaikan dalam konteks syariah dan realiti semasa di Malaysia.

### **Kesimpulan**

Sebagai rumusan, asnaf amil merupakan pihak yang menjadi tulang belakang dalam sistem zakat di Malaysia. Malah, kedudukannya sebagai asnaf menjadikannya sebagai antara golongan yang istimewa berbanding tujuh asnaf yang lain. Amil mempunyai tanggungjawab yang berat untuk memastikan kelangsungan matlamat syariat dan objektif agihan zakat kepada asnaf-asnaf lain tercapai. Dalam konteks negara Malaysia, setiap negeri telah diberikan peruntukan kuasa bagi mencorak dan mentadbir pengurusan zakat mengikut bidang kuasa masing-masing. Selain itu, pandemik COVID-19 telah mengubah para amil menjadi lebih proaktif dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing. Justeru, aspek pentafsiran asnaf golongan amil perlu diberikan perhatian sewajarnya sesuai mengikut masa, tempat, keadaan dan realiti semasa di Malaysia.

### **Rujukan**

*Al-Qur'an al-Karim.*

Al-'Arabi, M.A. (2003). *Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al Anshory, A.C., Ali Hudaefi, F., Junari, U.F., Zaenal, M.H & Ramdhoni, R. (2020). The Role of Zakat Institution in Preventing COVID-19. *Policy Brief Pusat Kajian Strategis BAZNAS*. Indonesia: Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS).

Al-Ashqar, U.S. (2000). Idarah Wali Amwal al-Zakah dlm. *Abhath Fiqhiyyah fi Qadaya al-Zakat al-Mu'asarah*. Jordan: Dar al-Nafa'is.

Ab Rahman, A., Musa, Z.M., Mohd Subri, I., Hashim, H Syed Omar, S.M.N (2020). *Kutipan Zakat Antara Sempadan Negeri: Isu Perundangan Syariah*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

- Ab Rahman, A., Sukari, A., Nozlan, N.N., Abd. Shakor, M.F & Ismail, A.M. (2022). Dimensi Baharu dalam Pengurusan Kutipan Zakat di Malaysia dlm. Ab Rahman, A. & Sukari, A. (eds.). *Dimensi Pengurusan Kutipan dan Agihan Zakat dalam Mendepani Wabak COVID-19*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Abd. Khafidz, H. (2017). *Pentafsiran Asnaf Zakat di Malaysia Mengikut Masa dan Tempat*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Abd. Wahab, N & Abdul Rahman, A.R. (2012). Efficiency of Zakat Institutions in Malaysia: An Application of Data Envelopment Analysis. *Journal of Economic Cooperation and Development* 33(1): 95-112.
- Abdul Wahab, M., Al-Junaid, S.A.H., Omar, M.A., Ghazali, A., Osman, J & Arif, M. (1995). Malaysia: A Case Study of Zakah Management, in el-Ashker & Sirajul Haq (eds.), *Institutional Framework of Zakah: Dimensions and Implications*, Jeddah: Islamic Research and Training Institute (IRTI), Islamic Development Bank (IDB).
- Ahmad Fuad, S. (2020). *The Role of Islamic Social Finance in Cushioning the Impact of COVID-19: The Case of Zakat*. I-Fikr: International Shariah Research Academy For Islamic Finance (ISRA).
- Ahmad, S., Wahid, H. & Mohamad, A. (2006). Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies* 13(2):175-196.
- Ahmad Tawfek, A.Z. & Wahid, H. (2022). Pengurusan Zakat Semasa Pandemik COVID-19: Kajian di Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan dlm. Ab Rahman, A. & Sukari, A. (eds.). *Dimensi Pengurusan Kutipan dan Agihan Zakat dalam Mendepani Wabak COVID-19*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 1973 (Akta A206).
- Akta Pentadbiran Hukum Syarak (Pindaan) 1984 (Akta A576).
- Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 1984 (Akta A585).
- Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001 (Akta A1095).
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505).
- Azam, M & Mohamed Yusoff, Z. (2005). Undang-Undang Zakat di Negeri Kedah: Satu Tinjauan. *Ulum Islamiyyah*. Vol. 4. No. 1. Kuala Lumpur: Penerbit Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).
- Badarulzaman, M.H & Sulaiman, S.N. (2017). Bidang Kuasa Perundangan dalam Pentadbiran Zakat di Negeri-Negeri Selatan Malaysia dalam *Isu-isu Kontemporari dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam*. Shah Alam: Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- Baharuddin, E., Ali, M. M., & Shah Rani, M. K. (2022). Budaya Membayar Zakat Dalam Kalangan Masyarakat Malaysia: Kajian Kes Di KUPTMKL. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47): 234 - 240.
- Al-Bahuti, M.Y.I. (1982). *Kashshaf al-Qina`an Matn al-Iqna`*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Baihaqi, A.B.A. (t.th). *Al-Sunan al-Kubra*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Bahrom, H. & Yaakob, E. (2006). *Pengurusan Zakat Semasa*. Shah Alam, Selangor: Pusat Penerbitan Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- Bakar, R., Darwazeh, R.N & Sakinah, W. (2016). Privatization Effects On Zakat And Dividend: Empirical Evidence From Malaysia and Jordan – Introduction The Success Story of UK Privatization Programs Has Created Strong Ways of Worldwide Privatization. British Petroleum (BP), British Telecom (BT). *Journal of Entrepreneurship, Business and Economics* 4(1): 1-21.
- Berelsen, B. (1952). *Content Analysis in Communication Research*. Glencoe, IL: Free Press.

- Bhari, A., Khalid, M.M., Zaki Yaacob, M.A., Mohamed Yusof, M.F., Mohd Sirajuddin, M.D & Badarulzaman, M.H. (2019). Zakat dan Pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) di Institusi-Institusi Zakat Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. Vol. 18. No. 3: 172-182.
- Creswell, J.W & Creswell, J.D. (2018). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches*. 5th Edition. United States of America: SAGE Publications Ltd.
- David, M. & Sutton, C.D. (2004). *Social Research: The Basics*. London: SAGE Publications Ltd.
- Denzin, N.K & Lincoln, Y.S. (2011). *The SAGE Handbook of Qualitative Research*. Thousand Oaks, California: SAGE Publication.
- Al-Dusuqi, Shams al-Din al-Sheikh Ahmad. (t.th). *Hashiyat al-Dusuqi 'Ala al-Sharh al-Kabir*. T. tpt: 'Isa al-Babi al-Halabi wa Shurakah.
- Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015.
- Enakmen Majlis Agama Islam Kelantan Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 (En. 4/94)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (En. 16/03)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 (En. 7/02)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (En. 4/04/En. 2)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (En. 1/03)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (En. 10/03)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (En. 4/04)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perlis) 2006 (En. 4/2006)
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 (En. 2/01)
- Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1953 (Enakmen No. 3 1952) (Negeri Selangor).
- Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (En. 5/08/En. 9)
- Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Pahang) (En. 3/91)
- Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992 (Sabah) (En. 13/92)
- Enakmen Zakat dan Fitrah 1993 (En. 6/93) (Sabah).
- Ghazali, A. (1988). *Zakat Suatu Tinjauan*. Malaysia: IBS.
- Gunardi, S & Ab Rahman, A. (2022). Pengurusan Institusi Zakat Ke Arah Pembangunan Sistem Digital di Malaysia Semasa Menghadapi Penularan Pandemik COVID-19 dlm. Ab Rahman, A & Sukari, A. (eds.). *Dimensi Pengurusan Kutipan dan Agihan Zakat dalam Mendepani Wabak COVID-19*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Hamka. (2020). *Tafsir Al-Azhar*. Juzuk 10. Kuala Lumpur: PTS Publishing.
- Ibn `Abidin, M.A.U. (1984). *Radd al-Muhtar `ala al-Durrr al-Mukhtar al-Ma`ruf bi Hashiyah Ibn `Abidin al-Shami*. (Edisi 2). Pakistan: Maktabah Majidiyah.
- Ibn al-Athir, Diya' al-Din Nasrullah Abu Bakr Muhammad bin Abd al-Karim & Kamil Muhammad Muhammad Uwaydah. (1998). *Al-Mathal al-Sa'ir fi Adab al-Katib wa Al-Sha'ir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Kathir, I.U. (1992). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Kathir, I.U. (1999). *Tafsir al-Qur'an al-`Azim*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Ibn Manzur, M.M. (1996). *Lisan al-`Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Qudamah. (t.th). *Al-Mughni wa Yalihi al-Sharh al-Kabir*. T.tp: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Ibrahim, A.M. (1997). *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Malaysia (IKIM).
- Ibrahim, M.F. (2022). Penggunaan Teknologi Kewangan (Fintech) Serta Kesan Terhadap Kutipan Zakat di Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dlm. Ab Rahman, A. & Sukari, A. (eds.). *Dimensi Pengurusan Kutipan dan Agihan Zakat dalam Mendepani Wabak COVID-19*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). (2009). *Manual Pengurusan Agihan Zakat*. Putrajaya: JAWHAR.
- Kaedah-Kaedah Zakat dan Fitrah Pahang 1970 (Phg. P.U. 18/70) (Pahang).
- Kamus Dewan*. (1984). Edisi 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. (1995). Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Al-Kasani., A.A.B.M. (t.th). *Bada'i' al-Sana'i' Fi Tartib al-Shara'i'*. Mesir: Zakariyya `Ali Yusuf.
- Kidwai, A & Zidani, M.E.M. (2020). A New Approach to Zakat Management for Unprecedented Times. *International Journal of Zakat*, 5(1): 45-54.
- Masruki, R., Sulaiman, M & Ab. Rashid, H.M. (2022). Inovasi Agihan Zakat di Malaysia Semasa Pandemik COVID-19 Ke Arah Kelestarian Sosioekonomi dlm. Ab Rahman, A & Sukari, A. (eds.). *Dimensi Pengurusan Kutipan dan Agihan Zakat dalam Mendepani Wabak COVID-19*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Mohamed Tahir, A.A., Borhan, M.H., & Markom, R. (2019). Peranan Lembaga Zakat Selangor (LZS) Dalam Pengurusan dan Pengagihan Zakat Menurut Maqasid Syariah. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. Vol. 18. No. 3: 134-160.
- Mohamad Zaki, M.M & Sulong, J. (2021). Amalan Agihan Zakat Semasa COVID-19: Kajian Amalan Institusi Zakat Semenanjung Malaysia dlm. Abdulah Thaidi, H.A. (ed.). *Cabaran COVID-19 & Penyelesaian Pengurusan Harta Islam*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Mohammad Som, H & Ab Rahman, A. (2011). Konsep Amil dan Peranannya dalam Pengurusan Zakat. *Kajian Syariah dan Undang-Undang Siri 3*: Nilai. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Mohd Kashim, M.I.A & Musa, Z.M. (2021). Pencegahan Wabak Berjangkit (COVID-19) Menurut Perspektif Islam dlm Mohd Subri, I. (ed.). *COVID-19 Daripada Perspektif Fiqh & Usul Fiqh*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Mohd Rafien, N.S., Mohd Noor, A.H., Ab Hasan, Z & Othman, A. (2013). Not-For-Profit Religious Organization in Malaysia: A Case on Zakat Institution in *Islamic Philanthropy for Ummah Excellence*, Institut Kajian Zakat (IkaZ).
- Muhammad, A.A. (1993). *Zakat & Rural Development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Mustaffa, I., Madkur, I., Az-Zayat, A.H & Abdul Qadir, H. (1995). *Al-Mu`jam al-Wasit*. Tehran : Maktabah Al-Islamiyyah.
- My Metro. (2020). *PKP Tingkatkan Jumlah Penerima Zakat*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/578272/pkp-tingkatkan-jumlah-penerima-zakat> (Diakses pada 1 Jun 2022).
- Al-Nasafi, A.A.M. (t.th). *Tafsir al-Nasafi*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Misri.
- Al-Nawawi, M.S. (1991). *Al-Majmu' Sharh al-Muhadhab*. T.tp: T.pt.
- Neuman, W.L. (2015). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. 7th Edition. United States of America. Pearson Education Limited.
- Omar, M., Kamaruddin, N & Sungip, F. (2016). Konsep Zakat dan Peranannya Terhadap Masyarakat. Prosiding Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016: 22-23 November. Anjuran Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 (Bab 41/2001).
- Peraturan-Peraturan Zakat 1982.
- Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah, Urusan Wakaf dan Baitulmal Negeri Melaka 1982 (M.P.U. 5/82).
- Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012 (Sel P.U. 47/2012).

Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Al-Qaradhawi, Y. (2000). *Fiqh al-Zakah: Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha Fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*. Edisi 24. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Al-Qal'aji, M.R. & Al-Qunaybi, H.S. (1998). *Mu'jam Lughah al-Fuqaha'*. Beirut: Dar al-Nafa'is.

Al-Qurtubi, M.A. (2011). *Al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.

Ramli, M.A & Hamdan, M.N. (2017). Isu Kutipan Zakat Merentasi Sempadan Negeri di Malaysia: Kajian Dari Perspektif Hukum Islam dlm. *Isu-isu Kontemporari dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam*. Shah Alam: Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Rofie, M. K., Abd Aziz, N. M., & Abdullah, S. (2022). Asnaf Care: Satu Strategi Dana Tambahan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) Ketika Pandemik COVID-19. *Sains Insani*, 7(2): 47-55.

Salman, K.R., & Mujahidin, M. (2022). Studies on Transparency of Financial Statements, Management of Zakat and Attitudes of Amil and Efforts to Increase Muzakki's Trust. *AL-KHARAJ: Journal of Islamic Economic and Business*, Vol 4, No 1 (2022): 9-22.

Al-Sarakhsi, Muhammad ibn Ahmad. (1986). *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Satrio, A.A. (2022). Zakat Sebagai Alternatif Pendapatan Negara. *Al-Mustashfa: Jurnal Penelitian Hukum Ekonomi Syariah*, Vol. 7, No. 2 (2022): 244-255.

Al-Shafi'i, M.I. (t.th). *Mawsu'ah al-Imam al-Shafie, Al-Kitab: Al-Umm*. T.tp: Dar Qutaybah.

Al-Shawkani, M.A. (1993). *Nayl al-Awtar*. Kaherah: Dar al-Hadith.

Shufian, F., Aris, T & Hisam, M. (2010). *Administration of Islamic Law in Malaysia*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Lexis Nexis.

Al-Tirmidhi, A.I. (1994). *Sunan al-Tirmidhi*. Beirut: Dar al-Fikr.

Undang-Undang Zakat dan Fitrah (Swk. L.N 94/66) (Sarawak).

Al-Zuhayli, W. (1996). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.